



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

KURIKULUM STANDARD SEKOLAH RENDAH
Dokumen Penjajaran Kurikulum

BAHASA MELAYU
Sekolah Kebangsaan
TAHUN 6

EDISI 2

KATA PENGANTAR



Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah melaksanakan penjajaran kurikulum selaras dengan pengumuman pembukaan semula sekolah berdasarkan Takwim Persekolahan 2020 yang dipinda. Pada ketika itu, Kandungan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) telah diujicajakan bagi tujuan kegunaan pengajaran dan pembelajaran bagi memenuhi keperluan pembelajaran murid yang terkesan lanjutan daripada Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Susulan penutupan semula sekolah sepenuhnya mulai 9 November 2020, sekolah telah melaksanakan pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR) sehingga hari terakhir persekolahan bagi tahun 2020. Meskipun guru telah berusaha untuk melaksanakan PdPR, namun masih terdapat cabaran dari aspek pelaksanaannya yang akan memberi implikasi terhadap pembelajaran murid pada tahun 2021. Sehubungan dengan itu, KPM telah memutuskan untuk meneruskan pelaksanaan Penjajaran Kurikulum Versi 2.0 bagi tahun 2021.

Penjajaran Kurikulum Versi 2.0 merupakan usaha KPM bagi membantu guru untuk memastikan kelangsungan pembelajaran murid dilaksanakan. Kurikulum yang diujicajakan ini bukanlah

kurikulum baharu, tetapi kurikulum sedia ada yang disusun semula berdasarkan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) KSSR serta ditambah baik daripada dokumen penjajaran kurikulum sebelumnya. Kandungan kurikulum disusun berdasarkan kandungan asas yang perlu dikuasai oleh murid. Manakala, kandungan tambahan dan pelengkap perlu diajar bagi menyokong keseluruhan pembelajaran sesuatu mata pelajaran yang boleh dilaksanakan melalui pelbagai kaedah dan teknik pembelajaran.

Harapan KPM agar guru dapat terus merancang dan melaksanakan pengajaran dan pembelajaran pada tahun 2021 dengan lebih berkesan. KPM juga merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam melaksanakan kurikulum yang diujicajakan.

Dr. LATIP BIN MUHAMMAD

Timbalan Pengarah Kanan
(Kluster Dasar dan Sains & Teknologi)
Bahagian Pembangunan Kurikulum
Kementerian Pendidikan Malaysia

Standard Kandungan	Standard Pembelajaran (SP)		
	Kandungan Asas	Kandungan Tambahan	Kandungan Pelengkap
KEMAHIRAN MENDENGAR DAN BERTUTUR			
1.2 Mendengar, mengecam dan menyebut bunyi bahasa iaitu abjad, suku kata, perkataan, frasa dan ayat dengan betul.	1.2.6 Mendengar, memahami dan menyebut jenis ayat dan ragam ayat dengan struktur binaan ayat yang betul dan tepat.		
1.3 Mendengar, memahami dan memberikan respons terhadap sesuatu arahan, soalan dan pesanan yang didengar dengan betul.	1.3.1 Mendengar, memahami dan memberikan respons terhadap sesuatu arahan berdasarkan ayat perintah dalam pelbagai situasi dengan betul.		
	1.3.2 Mendengar, memahami dan memberikan respons terhadap ayat tanya dengan betul.		

Standard Kandungan	Standard Pembelajaran (SP)		
	Kandungan Asas	Kandungan Tambahan	Kandungan Pelengkap
	1.3.3 Mendengar, memahami dan memberikan respons terhadap pesanan dan menyampaikan pesanan dengan menggunakan bahasa yang santun dalam pelbagai situasi.		
1.4 Bertutur, berbual dan menyatakan permintaan tentang sesuatu perkara daripada pelbagai sumber dalam situasi formal dan tidak formal secara bertatasusila.	1.4.1 Bertutur tentang sesuatu perkara daripada pelbagai sumber dengan menggunakan ayat yang gramatis dalam situasi formal dan tidak formal secara bertatasusila.		
	1.4.2 Berbual tentang sesuatu perkara dengan menggunakan kata gelaran yang sesuai secara bertatasusila.		

Standard Kandungan	Standard Pembelajaran (SP)		
	Kandungan Asas	Kandungan Tambahan	Kandungan Pelengkap
	1.4.3 Berbual tentang sesuatu perkara dengan menggunakan kata ganti nama yang sesuai dengan betul secara bertatasusila.		
	1.4.4 Menyatakan permintaan tentang sesuatu perkara dengan memberikan alasan yang sesuai dalam situasi formal dan tidak formal secara bertatasusila.		
1.5 Bercerita, dan menceritakan sesuatu perkara semula dengan tepat menggunakan sebutan yang jelas dan intonasi yang betul.	1.5.1 Bercerita dengan sebutan dan intonasi yang betul dengan menggunakan pelbagai ayat yang mengandungi bahasa yang indah.		

Standard Kandungan	Standard Pembelajaran (SP)		
	Kandungan Asas	Kandungan Tambahan	Kandungan Pelengkap
	1.5.2 Menceritakan sesuatu perkara dengan sebutan dan intonasi yang betul menggunakan pelbagai ayat yang mengandungi bahasa yang indah.		
1.6 Berbicara untuk menyampaikan maklumat tentang sesuatu perkara daripada pelbagai sumber dengan tepat secara bertatasusila.	1.6.1 Berbicara untuk mendapatkan maklumat yang tersurat dan tersirat untuk membuat rumusan dengan betul secara bertatasusila.		
	1.6.2 Berbicara untuk menerapkan bahasa yang indah untuk menyampaikan maklumat dengan tepat secara bertatasusila.		

Standard Kandungan	Standard Pembelajaran (SP)		
	Kandungan Asas	Kandungan Tambahan	Kandungan Pelengkap
1.7 Berbincang dan mengemukakan pendapat tentang sesuatu perkara daripada pelbagai sumber secara bertatasusila.	1.7.2 Berbincang dan mengemukakan pendapat secara kritis dan kreatif dengan menggunakan ayat yang gramatis secara bertatasusila.		
KEMAHIRAN MEMBACA			
2.3 Membaca dan memahami perkataan, frasa dan ayat daripada pelbagai sumber dengan sebutan yang betul.	2.2.3 Membaca dan memahami ayat yang mengandungi perkataan berimbuhan dalam bahan bacaan prosa dan puisi dengan sebutan yang betul.		
2.3 Membaca kuat pelbagai bahan bacaan dengan lancar, sebutan yang jelas dan intonasi yang betul.	2.3.1 Membaca sesuatu bahan yang mengandungi pelbagai jenis ayat dan ragam ayat secara mekanis.		

Standard Kandungan	Standard Pembelajaran (SP)		
	Kandungan Asas	Kandungan Tambahan	Kandungan Pelengkap
	2.3.2 Membaca pelbagai bahan yang mengandungi ayat tunggal, dan ayat majmuk dengan pelbagai keterangan secara mekanis.		
2.4 Membaca dan memahami maklumat yang tersurat dan tersirat daripada pelbagai bahan untuk memberi respons dengan betul.	2.4.1 Membaca dan memahami maklumat yang tersurat dan tersirat untuk membuat ulasan dengan betul.		
	2.4.2 Membaca dan memahami maklumat yang tersurat dan tersirat untuk membuat rumusan dengan betul.		
	2.4.3 Membaca dan memahami maklumat yang tersurat dan tersirat untuk membuat keputusan dengan memberikan alasan.		

Standard Kandungan	Standard Pembelajaran (SP)		
	Kandungan Asas	Kandungan Tambahan	Kandungan Pelengkap
2.5 Membaca, memahami dan menaakul untuk memindahkan maklumat yang terdapat dalam pelbagai bahan dengan betul.	2.5.1 Membaca dan memahami bahan untuk memindahkan maklumat dalam bentuk grafik		
	2.5.2 Membaca , memahami, dan menaakul bahan untuk memindahkan maklumat mengikut keutamaan ke dalam bentuk prosa.		
		2.5.3 Membaca, memahami dan menaakul bahan untuk memindahkan maklumat kepada bentuk grafik, puisi atau prosa.	
2.6 Membaca pelbagai bahan sastera dan bukan sastera yang sesuai bagi memupuk minat membaca.		2.6.1 Membaca bahan sastera untuk menghasilkan idea baharu.	

Standard Kandungan	Standard Pembelajaran (SP)		
	Kandungan Asas	Kandungan Tambahan	Kandungan Pelengkap
		2.6.2 Membaca bahan bukan sastera untuk menghasilkan idea baharu.	
KEMAHIRAN MENULIS			
3.2 Menulis huruf, suku kata, perkataan, frasa dan ayat secara mekanis dengan betul dan kemas.			3.2.6 Menulis teks prosa dan puisi secara mekanis dengan betul dan kemas.
			3.2.7 Menulis teks prosa dan puisi secara mekanis dalam bentuk tulisan berangkai dengan betul dan kemas.
3.3 Membina dan menulis perkataan, frasa dan ayat dengan betul.	3.3.3 Membina dan menulis jawapan pemahaman secara kritis dan kreatif dengan betul.		
	3.3.4 Membina kerangka dan menulis pelbagai jenis karangan.		

Standard Kandungan	Standard Pembelajaran (SP)		
	Kandungan Asas	Kandungan Tambahan	Kandungan Pelengkap
3.4 Menulis imlak dengan tepat.	3.4.1 Menulis perkataan dan frasa dengan menggunakan ejaan yang tepat secara imlak.		
	3.4.2 Menulis pelbagai teks prosa dengan menggunakan ejaan dan tanda baca yang tepat secara imlak.		
3.5 Mencatat maklumat yang betul tentang sesuatu perkara daripada pelbagai sumber.		3.5.2 Mencatat maklumat daripada pelbagai sumber dalam bentuk grafik.	
3.6 Menulis untuk menyampaikan maklumat tentang sesuatu perkara dengan menggunakan bahasa yang santun.	3.6.1 Menulis untuk menyampaikan maklumat dengan menggunakan idea utama dan idea sampingan secara koherensi dan koheran.		

Standard Kandungan	Standard Pembelajaran (SP)		
	Kandungan Asas	Kandungan Tambahan	Kandungan Pelengkap
	3.6.2 Menulis untuk menyampaikan maklumat dalam bentuk karangan berformat dengan menggunakan bahasa yang santun.		
3.7 Menghasilkan penulisan kreatif dalam pelbagai genre dengan betul.	3.7.1 Menghasilkan perenggan yang kohesi dan koheran dengan betul.		
	3.7.2 Menghasilkan penulisan imaginatif dan deskriptif dengan bahasa yang menarik.		
3.8 Mengedit dan memurnikan hasil penulisan dengan betul.	3.8.2 Mengedit dan memurnikan hasil penulisan.		

Standard Kandungan	Standard Pembelajaran (SP)		
	Kandungan Asas	Kandungan Tambahan	Kandungan Pelengkap
3.9 Menulis ulasan tentang pelbagai bahan sastera dan bukan sastera yang didengar, ditonton atau dibaca dengan betul.	3.9.1 Menulis ulasan tentang bahan sastera dan bukan sastera dengan menggunakan ayat yang gramatis.		
ASPEK SENI BAHASA			
4.1 Menyebut dan memahami unsur seni dalam lagu melalui nyanyian secara didik hibur.			4.1.1 Menyebut dan memahami seni kata lagu dengan melahirkan imaginasi melalui penghasilan karya sastera.
			4.1.2 Memahami dan mengubah suai seni kata lagu secara bebas dan mempersembhkannya melalui nyanyian secara didik hibur.

Standard Kandungan	Standard Pembelajaran (SP)		
	Kandungan Asas	Kandungan Tambahan	Kandungan Pelengkap
4.2 Mengujarkan bahasa yang indah dan menggunakan bahasa badan secara kreatif semasa bercerita secara didik hiburan.			4.2.1 Mengujarkan cerita dengan menggunakan bahasa yang indah dengan sebutan dan intonasi yang betul dan jelas.
			4.2.2 Mengujarkan cerita menggunakan bahasa yang indah dan ayat yang gramatis untuk menyampaikan idea dengan bahasa badan yang kreatif.
4.3 Mengujarkan bahasa yang indah bahasa badan dengan kreatif melalui lakonan secara didik hiburan.			4.3.1 Mengujarkan dialog dengan sebutan dan intonasi yang betul, dan jelas, bahasa yang indah serta bahasa badan yang kreatif melalui lakonan.

Standard Kandungan	Standard Pembelajaran (SP)		
	Kandungan Asas	Kandungan Tambahan	Kandungan Pelengkap
			4.3.2 Mengujarkan dialog yang dihasilkan untuk menyampaikan mesej dengan menggunakan bahasa yang indah serta bahasa badan yang kreatif melalui lakonan.
4.4 Melafazkan dan memahami puisi dengan intonasi yang betul menggunakan bahasa yang indah secara didik hibur.			4.4.1 Melafazkan puisi dengan sebutan yang jelas dan intonasi yang betul serta memahami puisi tersebut.
			4.4.2 Mencipta puisi menggunakan bahasa yang indah dan melafazkannya dengan sebutan yang jelas dan intonasi yang betul serta memahami puisi tersebut.

Standard Kandungan	Standard Pembelajaran (SP)		
	Kandungan Asas	Kandungan Tambahan	Kandungan Pelengkap
ASPEK TATABAHASA			
5.1 Memahami dan menggunakan golongan kata dengan betul mengikut konteks.		5.1.1 Memahami dan menggunakan pelbagai kata nama am dan penjodoh bilangan mengikut konteks dengan betul.	
		5.1.2 Memahami dan menggunakan pelbagai kata nama khas mengikut konteks dengan betul.	
		5.1.3 Memahami dan menggunakan pelbagai kata ganti nama mengikut konteks dengan betul.	

Standard Kandungan	Standard Pembelajaran (SP)		
	Kandungan Asas	Kandungan Tambahan	Kandungan Pelengkap
		5.1.4 Memahami dan menggunakan pelbagai kata kerja dan kata bantu mengikut konteks dengan betul.	
		5.1.5 Memahami dan menggunakan pelbagai jenis kata adjektif, kata adverba, kata penguat, dan kata penegas mengikut konteks dengan betul.	
		5.1.6 Memahami dan menggunakan pelbagai kata hubung mengikut konteks dengan betul.	
		5.1.7 Memahami dan menggunakan pelbagai kata tugas mengikut konteks dengan betul.	

Standard Kandungan	Standard Pembelajaran (SP)		
	Kandungan Asas	Kandungan Tambahan	Kandungan Pelengkap
5.2 Memahami dan menggunakan pembentukan kata yang sesuai dalam pelbagai situasi dengan betul.		5.2.1 Memahami dan menggunakan pelbagai imbuhan dalam pelbagai situasi dengan betul.	
		5.2.2 Memahami dan menggunakan pelbagai jenis kata ganda dalam pelbagai situasi dengan betul.	
		5.2.3 Memahami dan menggunakan pelbagai kata majmuk dalam pelbagai situasi dengan betul.	
5.3 Memahami dan membina ayat yang betul dalam pelbagai situasi.		5.3.1 Memahami dan membina ayat songsang yang betul dalam pelbagai situasi.	

Standard Kandungan	Standard Pembelajaran (SP)		
	Kandungan Asas	Kandungan Tambahan	Kandungan Pelengkap
		5.3.2 Memahami dan membina pelbagai ayat dalam teks menggunakan penanda wacana dengan betul.	

- Guru disarankan agar mengutamakan SP pada ruang ASAS terlebih dahulu sebagai SP fokus. Kemudian diikuti dengan SP pada ruangan TAMBAHAN dan disusuli dengan SP pada ruangan PELENGKAP.
- Sewaktu proses PdP berlaku, penggabungjalinan kemahiran mendengar dan bertutur, kemahiran membaca dan kemahiran menulis perlu diberi keutamaan, kemudian diikuti dengan gabung jalin aspek tatabahasa dan disusuli dengan aspek seni bahasa.
- Guru juga boleh memilih urutan SP mengikut kesesuaian dan tahap kemampuan murid.

**Bahagian Pembangunan Kurikulum
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 4-8 Blok E9, Kompleks Kerajaan Parcel E
62604 Putrajaya
Tel: 03-8884 2000 Fax: 03-8888 9917**